

Bagi meringankan bebannya yang perlu menjalani rawatan, Majlis Belia Daerah (MBD) Rompin bersama Ahli

penting semasa susah seperti ini," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui selepas menyampaikan sumbangan

Beliau turut berharap keadaan Iskandar kembali sembuh dan boleh menjalankan aktiviti harian seperti biasa.

Mohd Hafiz (kanan) bersama ahli jawatankuasa MBD Rompin dan wakil Ahli Parlimen Rompin ketika menyampaikan sumbangan kepada Iskandar di rumahnya di Kampung Sepakat, di sini.

JTLM mahu libatkan masyarakat dalam pemuliharaan terumbu karang

KUALA ROMPIN - Penglibatan masyarakat menjadi agenda utama dalam semua program sempena Hari Terumbu Karang Sedunia 2018 termasuk memulihara hidupan laut itu.

Walaupun program tidak dalam kapasiti besar, namun pembabitian masyarakat penting kerana kesannya sudah dilihat.

Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) Pahang, Mohd Fazli Long berkata, beberapa tahun kebelakangan ini banyak program melibatkan masyarakat dan pengusaha selam skuba di Pulau Tioman.

Menurutnya, kesan ketara dapat dilihat apabila kini mereka sudah mula peka dengan kerosakan terumbu karang.

"Sebelum ini program menyasarkan golongan atau kumpulan tertentu namun oleh kerana majoriti mereka bukan penduduk tempatan, jadi impaknya tidak besar.



Mohd Fazli (kanan) mengiringi Ab Rahim (tengah) ketika menyampaikan penghargaan kepada Muhayudin di Pejabat JTLM Pahang.

"Selepas beberapa tahun kebelakangan ini kita menyasarkan masyarakat setempat dengan kerjasama Reef Check Malaysia (RCM), perubahan besar dapat dilihat apabila mereka sendiri melaporkan atau bertindak terhadap sebarang masalah

melibatkan terumbu karang atau taman laut secara amnya," katanya, semalam.

JTLM Pahang turut menghargai *Sinar Harian* yang banyak melaporkan usaha memulihara terumbu karang di pulau peranginan itu.

Justeru, Mojo *Sinar*

Harian Rompin, Muhayudin Salleh menerima cenderamata penghargaan disampaikan Ketua Pengarah JTLM, Ab Rahim Gor Yaman.

Dalam pada itu, Mohd Fazli berharap masyarakat terus menyokong usaha dan program anjuran pihaknya



Pelbagai terumbu karang yang ada di taman laut Pulau Tioman perlu dipulihara bagi memastikan ia dalam keadaan baik.

atau NGO berkaitan.

Katanya, usaha murni itu bertujuan memastikan hidupan marin dalam keadaan baik untuk tatapan generasi akan datang.

The International Coral Reef Initiative (ICRI) tahun lalu telah mengisytiharkan

2018 Tahun Terumbu Karang Sedunia (IYOR) kali ketiga.

IYOR adalah usaha global bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai nilai terumbu karang serta ancaman yang dihadapinya.